

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kelulusan yang diberikan kepada pemohon Pemastautin Tetap di bawah kategori isteri, suami dan anak-anak warganegara asing dari 2016 hingga 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN tidak mengeluarkan MyPR berdasarkan kategori isteri, suami atau anak kepada warganegara asing. Permohonan MyPR boleh dipertimbangkan bagi mana-mana individu mempunyai pasport yang sah dan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).